




Headline: AWAS JERAT LICIK MACAU SCAM
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 6 October 2018

Language: Malay
Section: X-Klusif
Page: 20



Ini bukan isu baru tetapi jenayah penipuan Macau Scam seolah-olah tiada kesudahan apabila ramai menjadi mangsa tidak terkecuali di negeri Pahang.

Perangkap penipuan kewangan ini memberi ancaman serius kerana mangsa yang 'terkena' terdiri daripada pelbagai latar belakang termasuk golongan profesional.

Persoalannya, adakah sindiket ini cepak merencana modus operandinya atau kerana

sikap masyarakat itu sendiri yang membuka ruang untuk ditipu.

Mendukacitakan apabila kerugian dialami mangsa bukan sedikit. Ada yang berpuit mata apabila semua wang simpanan untuk keperluan masa depan mencecah ratusan ribu ringgit lesap begitu sahaja.

Di mana silapnya? Ikuti laporan Sinar X-tra mengenai penipuan Macau Scam ini.

TAWARAN PINJAMAN TIDAK WUJUD MELALUI TELEFON DAN MEDIA SOSIAL

- Mangsa ditawarkan pinjaman mudah namun terpaksa membayar wang proses bagi tujuan kelulusan. Selepas bayaran diterima, suspek terus gagal dihubungi.

MENYAMAR PEGAWAI POLIS, SPRM, KASTAM DAN BANK NEGARA

- Suspek menghubungi mangsa memperkenalkan pegawai agensi berkenaan memaklumkan nama atau akaun bank akan disenaraihitam kerana terlibat kes dadah atau perubahan wang haram. Mangsa diminta pindahkan ke akaun suspek untuk siasatan sebelum wang tersebut lesap.

- Suspek akan hubungi mangsa dan menyamar sebagai pegawai polis dan memaklumkan ahli keluarga mangsa telah ditahan polis berkaitan kes dadah dan sebagainya. Jika mahu selesaikan perkara itu, mangsa diminta untuk memasukkan wang ke dalam akaun yang diberikan sebagai jaminan pembebasan.

MENYAMAR PEGAWAI BANK

- Individu menyamar pegawai bank memaklumkan pinjaman atau kad kredit atas nama mangsa berlaku tunggakan dan minta jelaskan sebelum mengaitkan nama mangsa dengan kes jenayah.

TAWARAN TENDER TIDAK WUJUD

- Mangsa ditawarkan tender atau projek tertentu namun perlu membayar sejumlah wang untuk proses. Selepas mangsa menjelaskan bayaran, suspek menghilangkan diri.

JUAL BELI BARANGAN TIDAK WUJUD DI LAMAN SESAWANG DAN MEDIA SOSIAL

- Suspek mengiklan barangan yang hendak dijual dan mangsa berminat membuat bayaran pendahuluan atau bayaran penuh. Namun selepas bayaran dibuat suspek gagal dihubungi.

BUNGGUSAN HADIAH LUMAYAN DARI LUAR NEGARA

- Suspek mendekati mangsa melalui media sosial dan berkenalan dalam tempoh masa tertentu sebelum berjanji menghantar hadiah lumayan kepada mangsa. Suspek kemudiannya memberi pelbagai helah kononnya hadiah dikirim ditahan pihak kastam dan perlu dibayar denda.

JUAL BELI WANG ATAU SYILING LAMA DENGAN HARGA TINGGI

- Iklan ini banyak di post di laman sosial Instagram, Facebook. Suspek meletakkan gambar profil orang luar bagi meyakinkan pembeli tempatan.

HAMPIR SETIAP HARI KES DILAPORKAN

KES MACAU SCAM JANUARI-OGOS 2018

Selangor - **305 KES**
Johor - **182 KES**
Kuala Lumpur - **157 KES**
Pulau Pinang - **134 KES**
Negeri Sembilan - **134 KES**
Pahang - **111 KES**



MOHD WAZIR

SEBANYAK 111 kes Macau Scam dilaporkan di negeri Pahang sepanjang tempoh Januari hingga Ogos 2018.

Jumlah itu menunjukkan peningkatan 54 kes atau 105.5 peratus berbanding hanya 54 kes tahun lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, dalam tempoh itu, jumlah kerugian direkodkan hampir RM4 juta.

Menurutnya, jumlah kerugian sepanjang 2017, RM1.3 juta justeru meningkatannya lebih RM2.6 juta.

"Berdasarkan tempoh Januari hingga Ogos tahun ini, Pahang berada pada kedudukan kelima tertinggi bagi kes Macau Scam ini.

"Biarpun Selangor mendahului dengan 305 kes, Johor (182 kes), Kuala Lumpur (157 kes), Pulau Pinang dan Negeri Sembilan masing-masing 134 kes, peningkatan kes penipuan di Pahang agak membimbangkan kerana boleh dikatakan setiap hari ada kes dilaporkan," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan statistik, mangsa tertinggi melibatkan golongan berusia 40 tahun ke atas dan 78 peratus melibatkan mangsa paling ramai berketurunan Melayu.

"Secara keseluruhannya tahun ini, mangsa Melayu mencatatkan bilangan tertinggi (87 orang), Cina (22 orang) dan India (2 orang).

"Jika dibandingkan tahun lalu, Melayu (34 orang) dan Cina (2 orang)," katanya.

Mohd Wazir berkata, berdasarkan laporan dan tindakan pihaknya, sepanjang tempoh itu tahun ini, pihaknya berjaya membuat 70 tangkapan berbanding 52 tahun lalu.

"Bagaimanapun mereka yang ditangkap ini bukan dalam utama sebaliknya kebanyakan mereka hanya 'keldai sindiket' atau pemilik akaun bank yang digunakan," katanya.